

KEMAHIRAN MENULIS : ASPEK TATABAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.1 Memahami dan menggunakan perkataan daripada pelbagai golongan kata dalam pelbagai ayat.	5.1.3 Memahami dan menggunakan kata prafrasa iaitu, kata bantu, kata penguat, kata penegas, kata nafi, kata pemeris, kata arah dan kata bilangan serta kata pascakata iaitu kata penekanan dan kata pembenda dengan betul mengikut konteks.

Nota Berkaitan Topik

KATA PRAFRASA	
1. Kata bantu	Kata bantu ialah perkataan yang hadir di hadapan kata kerja dan kata adjektif untuk memberikan maksud tertentu. Terdapat dua jenis kata bantu dalam bahasa Melayu, iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam.
2. Kata penguat	Kata penguat ialah perkataan yang hadir di hadapan frasa atau kata adjektif untuk menguatkan maksudnya. Kadang-kadang, kata penguat boleh juga hadir di belakang kata adjektif. Contoh kata : paling, agak, terlalu, amat, sangat, dan sungguh.
3. Kata penegas	Kata penegas ialah sejumlah perkataan yang memberikan penekanan bahagian-bahagian tertentu dalam ayat. Contoh kata penegas jenis ini ialah –kah, -tah, dan –lah.
4. Kata nafi	Kata nafi hadir di hadapan frasa predikat untuk menafikan maksud dua kata nafi, iaitu tidak dan bukan, dengan peraturan tertentu tentang penggunaannya.
5. Kata pemeris	Kata pemeris ialah unsur yang menjadi pemeris hal atau perangkai frasa-frasa utama dalam predikat. Terdapat dua jenis kata pemeris, iaitu: ialah, adalah
6. Kata arah	Kata arah ialah menunjukkan arah tempat. Contoh kata : bawah, tepi, tengah, sisi
7. Kata bilangan	Kata bilangan pula ialah sejumlah perkataan yang menjadi penerang jumlah kepada frasa nama. Contohnya kata: dua, lima belas, segala, semua, ketiga-tiga, masing-masing, dan separuh.

KATA PASCAKATA	
1. Kata penekan	Kata penekan membawa maksud penegasan. Contoh kata: sesungguhnya, bahawasanya, dan nampaknya.
2. Kata pembenda	Kata pembenda ialah menukar perkataan bukan kata nama menjadi kata nama. Contoh kata: lajunya, sakitnya, dan datangnya.

Kata Prafrasa dan Kata Pascakata

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Tarik kotak jawapan ke kotak kosong pada soalan.

terlalu	pernah	amat
akan	hulu	bukan
hanya	juga	sudut
tidak	telah	Berbagai-bagai
adalah	ialah	lima

1. Kepakaran beliau _____ dalam bidang komputer.
2. Tanaman yang banyak ditanam di kawasan tanah tinggi itu _____ buah-buahan.
3. Tun Dr. Mahathir Mohamad _____ berasal dari negeri Perlis tetapi Kedah.
4. Pemuda yang dituduh mencuri itu _____ takut kerana dia tidak bersalah.
5. Suhu di dalam bilik hotel _____ sejuk sehingga saya menggigil.
6. Air sungai itu jernih _____ sehingga kelihatan ikan-ikan di dalamnya.
7. Salmiah _____ tinggal serumah dengan Amirah suatu ketika dahulu.
8. Pasukan sekolah Syafiq _____ menjadi johan dalam perlawanan bola sepak semalam.
9. Anggota polis telah menembak mati _____ orang perompak yang merompak sebuah bank di ibu kota kota semalam.
10. _____ cara dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang semakin meruncing di pusat-pusat bandar.
11. Selain Lay Chan, Sierra Poh _____ akan terlibat dalam pertunjukan kebudayaan itu.
12. Chee Fei _____ menggaru-garu kepala apabila diminta menyelesaikan soalan Matematik itu.
13. Meskipun dia tersenyum, jauh di _____ hatinya terluka dengan kata-kata anaknya itu.
14. Sufian mudik ke _____ sungai untuk mengangkut barang.
15. Khairul _____ menghadiri aktiviti kokurikulum pada petang ini.